



PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA
SOALAN LAZIM (FAQ) BAGI INDUSTRI PENJAGAAN KESIHATAN
(DIKEMAS KINI PADA 14 JUN 2024)

Bil	Soalan	Maklum Balas
1	Pada ketika ini, pengeluaran invois/ bil oleh pihak hospital bergantung pada pihak yang membuat pembayaran untuk perkhidmatan perubatan: • Pengeluaran invois/ bil terus kepada pesakit yang membayar untuk perkhidmatan perubatan sendiri; • Pengeluaran invois/ bil kepada pesakit sebagai Pembeli, dengan pentadbir pihak ketiga (TPA) dan <i>Managed Care Organisation</i> (MCO) sebagai pembayar; • Pengeluaran invois/ bil kepada pesakit sebagai Pembeli yang dilindungi di bawah tuntutan insurans, dengan syarikat insurans sebagai pembayar; • Pengeluaran invois/ bil kepada badan korporat atau syarikat sebagai pembayar untuk perkhidmatan perubatan yang diberikan kepada pekerja mereka;	Berdasarkan senario yang dinyatakan, Pembeli adalah merujuk kepada pesakit. Sekiranya pesakit masih berada di bawah umur 18 tahun, butiran ibu bapa/ penjaga/ mana-mana pihak yang berkaitan boleh diisi sebagai butiran Pembeli.

Bil	Soalan	Maklum Balas
	Pengeluaran invois/ bil kepada pesakit sebagai Pembeli, dengan penjaga (ibu bapa atau anak-anak pesakit) sebagai pembayar. Setelah pelaksanaan e-Invois kelak, adakah proses pengeluaran invois sedia ada boleh dikekalkan atau pihak hospital perlu mengubah suai proses sedia ada?	
2	Adakah hospital dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois disatukan untuk merekodkan pendapatan yang dijana daripada perkhidmatan perubatan kepada pengguna individu akhir (iaitu, pesakit yang membayar sendiri) yang tidak memerlukan e-Invois?	Ya, hospital dibenarkan mengeluarkan e-Invois disatukan untuk transaksi di mana pesakit tidak memerlukan e-Invois.
3	Secara umumnya, hospital akan mengeluarkan bil proforma kepada syarikat insurans untuk memohon pengeluaran Surat Jaminan Akhir (FGL). Dalam hal ini, bilakah e-Invois perlu dikeluarkan dan dikemukakan kepada LHDNM untuk pengesahan?	Hospital dibenarkan untuk meneruskan aturan pengeluaran bil sedia ada. Jika perlu, pihak hospital boleh mengeluarkan draf invois/ proforma kepada syarikat insurans untuk meminta FGL. Jika Pembeli meminta e-Invois dikeluarkan, pihak hospital dikehendaki mengeluarkan e-Invois setelah pengebilan perkhidmatan perubatan dimuktamadkan (contohnya, selepas pesakit dibenarkan keluar dari hospital). Jika Pembeli tidak meminta e-Invois dikeluarkan, pihak hospital boleh mengeluarkan invois biasa/ bil mengikut amalan semasa selepas bil perkhidmatan perubatan dimuktamadkan. Kemudian, pihak hospital boleh mengeluarkan e-Invois disatukan kepada LHDNM dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas bulan tersebut berakhir.

Bil	Soalan	Maklum Balas
4	Pada ketika ini, pihak hospital melibatkan perunding bebas dalam urusan menyediakan perkhidmatan perundingan perubatan menerusi dua (2) aturan: (1) Penyediaan perkhidmatan kesihatan bersama (co-provision) Di bawah aturan ini, hospital akan mengeluarkan bil kepada pesakit atas perkhidmatan hospital yang diterima. Manakala, perunding bebas akan mengeluarkan bil berasingan kepada pesakit untuk yuran profesional. Pihak hospital akan mengeluarkan penyata bulanan kepada perunding bebas yang merangkumi ringkasan mengenai perkhidmatan yang telah diberikan oleh perunding bebas tersebut. (2) Aturan penyumberan luar (outsource) Pada ketika ini, perunding bebas akan mengebil pihak hospital dengan mengeluarkan invoice bagi jumlah yuran profesional yang telah dilibatkan pada bulan tersebut. Apabila pihak hospital mengeluarkan invoice kepada pesakit, yuran perunding sudah termasuk di dalam invoice. Setelah pelaksanaan e-Invois kelak, adakah proses pengeluaran invoice sedia ada boleh dikekalkan atau pihak hospital perlu mengubah suai proses sedia ada?	Bagi tujuan pelaksanaan e-Invois, pihak hospital dibenarkan untuk meneruskan aturan pengeluaran bil/ invoice sedia ada seperti berikut: (1) Penyediaan perkhidmatan kesihatan bersama (co-provision) - Hospital dan perunding bebas akan mengeluarkan e-Invois yang berasingan kepada pesakit. Kutipan bayaran, sama ada dilakukan secara bersama atau berasingan, tidak akan memberi kesan kepada pengeluaran e-Invois. (2) Aturan penyumberan luar (outsource) <i>(a) Antara hospital dan pesakit</i> - Hospital akan mengeluarkan e-Invois kepada pesakit yang meliputi perkhidmatan hospital dan perkhidmatan perunding sebagai pembekal perkhidmatan tunggal. <i>(b) Antara hospital dan perunding bebas</i> - Jika kontrak untuk perkhidmatan adalah antara pihak hospital dan perunding bebas, e-Invois akan dikeluarkan oleh perunding bebas kepada pihak hospital bagi perkhidmatan yang diberikan. - Jika kontrak untuk perkhidmatan adalah antara pihak hospital dan syarikat yang mewakili perunding bebas, syarikat yang mewakili perunding bebas akan mengeluarkan e-Invois kepada pihak hospital bagi perkhidmatan yang telah diberikan.

Bil	Soalan	Maklum Balas
5	Hospital melibatkan doktor dan jururawat lokum untuk memenuhi keperluan sumber sementara bagi mengekalkan kualiti penjagaan pesakit yang berterusan. Adakah pihak hospital perlu mengeluarkan e-Invois bagi pembayaran yang dibuat kepada doktor dan jururawat lokum atas perkhidmatan mereka?	Jika doktor dan jururawat lokum telah menandatangani kontrak untuk perkhidmatan (<i>contract for service</i>) dengan hospital, doktor dan jururawat lokum tersebut dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois kepada hospital. Jika agensi yang mewakili doktor dan jururawat lokum telah menandatangani kontrak untuk perkhidmatan (<i>contract for service</i>) dengan hospital, agensi tersebut dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada hospital. Jika doktor dan jururawat lokum menandatangani kontrak perkhidmatan (<i>contract of service</i>) dengan hospital, yuran tersebut dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan penggajian. Pada masa ini, pendapatan penggajian dikecualikan daripada pengeluaran e-Invois seperti yang digariskan dalam Garis Panduan e-Invois. Mohon perhatian bahawa pengecualian tersebut adalah tertakluk pada semakan dan pengemaskinian dari semasa ke semasa.

Bil	Soalan	Maklum Balas
6	Adakah layanan e-Invois berikut boleh diterima bagi kes di mana pesakit dirujuk kepada syarikat seinduk atau hospital swasta dan dibenarkan daftar keluar di hospital yang dirujuk? Senario 1 Ali pada mulanya dimasukkan ke Hospital A dan menjalani rawatan perubatan di sana. Selepas itu, Ali dirujuk ke Hospital B untuk rawatan perubatan selanjutnya. Sebelum Ali dimasukkan ke Hospital B, Hospital A akan mendaftar keluar Ali dan mengeluarkan bil sewajarnya. Kemudian, setelah selesai rawatan di Hospital B, Ali akan dibilkan oleh Hospital B. Hospital A dan Hospital B masing-masing akan mengeluarkan e-Invois kepada Ali selaras dengan masa pengeluaran yang dinyatakan di Soalan 3 FAQ ini.	Layanan e-Invois yang dicadangkan bagi Senario 1 dan 2 boleh diterima pakai.

Bil	Soalan	Maklum Balas
	Senario 2 Billy pada mulanya dimasukkan ke Hospital C dan menerima rawatan perubatan di sana. Selepas itu, Billy dirujuk ke Hospital D untuk menerima rawatan selanjutnya. Ketika pemindahan ke Hospital D, Hospital C masih belum mengeluarkan sebarang bil kepada Billy. Billy meneruskan rawatan di Hospital D dan setelah selesai, dipindahkan kembali ke Hospital C. Selepas itu, Hospital C mendaftar keluar Billy dan mengeluarkan bil bagi perkhidmatan perubatan yang diberikan, termasuk perkhidmatan perubatan yang diterima di Hospital D. Hospital D kemudiannya mengebil Hospital C untuk perkhidmatan perubatan yang diberikan kepada Billy. Tempoh pengeluaran e-Invois bagi senario yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut: • Hospital C akan mengeluarkan e-Invois kepada Billy, selaras dengan masa pengeluaran yang dinyatakan dalam Soalan 3 FAQ ini; dan • Hospital D akan mengeluarkan e-Invois kepada Hospital C selepas tindakan/ transaksi selesai.	

Bil	Soalan	Maklum Balas
7	Pada ketika ini, hospital mengenakan caj kepada: • perunding bebas untuk perkhidmatan yang disediakan, seperti sewa ruangan, yuran pengurusan; dan • kedai serbaneka dan kafe untuk penyewaan ruang. Setelah pelaksanaan e-Invois kelak, adakah proses pengeluaran invois sedia ada boleh dikekalkan atau pihak hospital perlu mengubah suai proses sedia ada?	Hospital dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk pengenaan caj berkaitan, selaras dengan amalan kitaran pengebilan semasa.
8	Secara umumnya, terdapat dua (2) jenis bil yang akan disediakan oleh hospital kepada pesakit: - Bil Ringkas; atau - Bil Terperinci (iaitu butiran terperinci caj yang dikenakan) Dalam hal ini, bil manakah yang perlu dikemukakan untuk pengesahan LHDNM?	Bagi tujuan e-Invois, hospital perlu mengeluarkan Bil Terperinci sebagai e-Invois untuk dikemukakan kepada LHDNM bagi tujuan pengesahan.
9	Adakah perunding wajib untuk melaksanakan e-Invois dalam Fasa 1 sekiranya perolehan tahunan hospital mencecah RM100 juta, memandangkan hospital akan mengeluarkan invois kepada pesakit?	Kewajipan bagi pematuhan e-Invois adalah dari perspektif pengeluar invois (Penjual). Perunding dan hospital perlu mengikut ambang perolehan tahunan masing-masing bagi menentukan pelaksanaan mandatori e-Invois.

Bil	Soalan	Maklum Balas
10	Apakah layanan e-Invois bagi penerimaan deposit semasa kemasukan ke hospital?	Jika deposit tersebut bersifat akan dikembalikan (<i>refundable</i>), e-Invois tidak perlu dikeluarkan apabila menerima deposit tersebut. Walau bagaimanapun, jika deposit yang diterima tidak akan dikembalikan (<i>non-refundable</i>), e-Invois perlu dikeluarkan. Hospital juga boleh mengeluarkan e-Invois disatukan bagi Pembeli yang tidak memerlukan e-Invois.
11	Pada ketika ini, hospital akan mengeluarkan invois bagi perubatan kakitangan yang dibayar oleh hospital untuk tujuan dokumentasi perbelanjaan. Setelah pelaksanaan e-Invois kelak, adakah proses pengeluaran invois sedia ada boleh dikekalkan atau pihak hospital perlu mengubah suai proses sedia ada?	Hospital dibenarkan untuk meneruskan aturan pengeluaran bil/ invois sedia ada. Sekiranya pada ketika ini hospital mengeluarkan invois untuk penyediaan perkhidmatan secara percuma kepada kakitangan, hospital boleh mengeluarkan e-Invois dengan jumlah sifar. Sebaliknya, jika hospital tidak berbuat demikian, hospital tidak dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi transaksi tersebut.